

Usahawan bayar cukai RM30 juta

B.H. 24 SEP 1993

JITRA, Khamis — Ada antara ahli korporat Melayu membayar cukai sehingga RM30 juta setahun dan mereka adalah antara golongan yang paling banyak membayar cukai kepada kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cukai yang dikutip daripada orang berduit itu digunakan kerajaan untuk diagihkan kepada golongan miskin menerusi projek tertentu.

Menurutnya, negara

memerlukan orang yang banyak duit seperti syarikat besar dan ahli perniagaan yang pandai 'membuat duit kerana lebih banyak wang mereka kumpul bermakna lagi banyak cukai dibayar kepada kerajaan.

Olen itu, katanya rakyat tidak seharusnya berasa iri hati kepada orang yang banyak wang kecuali kekayaan yang mereka kumpul itu diperolehi dengan mencuri dan tidak membayar cukai.

"Kalau semua rakyat

kita miskin, tak akan ada peruntukan (untuk melaksanakan projek yang diminta rakyat)," katanya ketika menggulung perbahasan pada mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Beliau berkata, setiap tahun peruntukan yang disediakan untuk pelbagai projek terpaksa ditambah sedangkan kerajaan bukan mengecap duit seperti dilakukan Jepun ketika memerintah negara ini dulu.

Dr Mahathir berterima kasih kepada cawangan yang mencalonkannya sebagai Ketua Bahagian dan oleh kerana tiada pencalonan lain, beliau menang tanpa bertanding.

Beliau percaya pemimpin lama yang tidak berjaya mempertahankan jawatan dalam mesyuarat perwakilan bahagian itu, akan terus memberi sokongan kepada parti khususnya Umno bahagian.

Perdana Menteri juga berkata, institusi pendi-

dikan di negara ini tidak pernah membelakangkan dasar kebangsaan yang sudah ditetapkan.

Menurutnya, kerajaan akan memastikan setiap penubuhan institusi pendidikan tidak lari daripada dasar kebangsaan mengenai pendidikan, terutama soal bahasa kebangsaan.

"Sebarang pihak yang berhasrat menubuhkan pusat pendidikan tidak akan dibenar melakukan sesuatu yang terkeluar daripada Dasar (bahasa)

Kebangsaan.

"Kita tegas dengan dasar bahawa setiap rakyat negara ini mesti mempelajari bahasa kebangsaan tetapi dalam masa yang sama menggalakkan mereka mempelajari bahasa asing," katanya ketika menggulung usul Pergerakan Pemuda Umno dalam mesyuarat perwakilan bahagian itu.

Usul itu mendesak kerajaan mengawal dan mengawasi pertumbuhan pusat pengajian swasta yang dikatakan terlalu banyak.